

# **PENGGUNAAN PENANDA WACANA BAHASA ARAB DALAM TEKS KARANGAN PELAJAR**

## **2.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, kajian akan menumpukan aspek perbincangan dan penghuraian yang berkaitan analisis wacana dalam sorotan kajian lepas seperti jenis wacana, penanda wacana (*discourse markers*), nahu wacana, gaya wacana dan sebagainya. Secara umumnya, perbincangan ini hanya diberi penumpuan khusus dalam aspek berkaitan seperti konsep wacana, jenis wacana, penanda wacana dan kohesi konjungsi dalam wacana Arab. Di samping itu, kajian juga akan membincangkan kategori penanda wacana berasaskan Model Kerangka Teoritis Penjenisan Hubungan Kata Hubung yang diperkenalkan oleh pengkaji tersohor barat iaitu Halliday dan Hasan (1976: 238-244). Fokus utama kajian adalah fungsi kata penghubung berperanan sebagai penanda wacana (*discourse markers*) dalam bahasa Arab yang merupakan salah satu aspek keutuhan wacana dalam penulisan karangan khususnya di kalangan pelajar.

Perbincangan ini akan dihuraikan secara terperinci berdasarkan kajian-kajian lepas sama ada kajian di Barat khususnya di Britain, manakala di Timur Tengah seperti Mesir dan juga beberapa pengkaji tempatan yang terdiri daripada pakar nahuan tempatan cenderung dalam kajian wacana. Penghuraian konsep bagi setiap sub-topik juga dibincangkan bagi perincian maklumat-maklumat dan informasi-informasi yang berkaitan dalam kajian ini secara telus dan dinamik hasil penulisannya. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kesemua dapatan dari perbincangan bahagian ini memberi manfaat dan input-input yang berguna dalam membantu proses penyelidikan

ini dijalankan terutamanya dalam penghuraian konsep wacana, penggunaan penanda wacana (kata penghubung), kategori-kategori kata hubung (penanda wacana) dan juga fungsi kohesi dan koheren yang merupakan aspek penting dalam penyampaian sesuatu teks wacana khususnya sesebuah karangan serta model model kohesi Halliday dan Hasan (1976: 29).

## **2.1 Konteks Wacana dan Penulisan Karangan**

Wacana (*discourse*) merupakan unit bahasa yang melebihi batas ayat (Asmah Haji Omar 1980 : 11). Menurut beliau, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan hubungan di antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan pemikiran yang ada di dalamnya. Perkembangan dunia linguistik telah melihat disiplin wacana adalah pengetahuan penting dalam bidang penulisan khususnya. Menurut Roselan Baki (1994) menjelaskan bahawa kewujudan wacana dalam sesebuah karangan amat penting kerana tanpa wacana sesebuah karangan tidak akan memberi apa-apa erti. Tambahan lagi, beliau menegaskan lagi bahawa pengetahuan tentang teknik-teknik pewujudan wacana perlulah dikuasai dan mempunyai kefahaman dan keupayaan membina wacana ketika mengarang yang menjadi keperluan utama dalam penyampaiannya.

Konteks wacana seharusnya mempunyai tujuan, dan tujuan itulah yang menentukan penggunaan yang dinamakan selenggaraan (*performative*), seperti pertanyaan atau suruhan yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis (Asmah Haji Omar 1980 : 11). Sememangnya, wacana dianggap sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Sepertimana yang diketahui, analisa wacana bermula di Great Britain dengan aliran Firth pada konsep bahasa Malinowski tentang hubungan

bahasa dan masyarakat. Menurut Firth (1968: 14) kemuncaknya ialah “*Teori Makna dalam Konteks*” yang diuraikan oleh beliau, mendakwa bahawa sesuatu pertuturan itu memperoleh maknanya tersendiri dan bukan daripada hubungan pemikiran di antara idea-idea yang diwujudkan oleh kata-kata, tetapi daripada hubungannya dengan konteks situasi yang mendasarinya.

Isu wacana dalam bidang bahasa Arab tidak lari daripada pengisian intipati wacana bahasa al-Quran yang mempunyai ma’navi tersurat dan tersirat, dan ianya boleh difahami dengan mempelajari bahasa Arab sehingga sampai ke satu peringkat kita berkeupayaan mentafsirkannya ke dalam bahasa ibunda (Ahmad Fikri 2010 : 60). Namun begitu, menurut Ahmad Fikri (2010 : 80) bahawa analisis wacana teks al-Quran memerlukan kepada penitilian yang mendalam dan terperinci di samping kefahaman terhadap teks yang akan dianalisa dan diuraikan. Tambah beliau lagi, skop bidang dalam menjalankan kajian analisis wacana boleh dijalankan dalam pelbagai lapangan seperti morfologi, sintaksis, sastera, tamadun dan sebagainya.

Sehubungan itu, dalam kajian wacana yang berkaitan pentafsiran al-Quran, pengkaji boleh memberi penumpuan terhadap isu struktur gaya bahasa wacanan juga elemen-elemen ilmiah yang bertemakan keindahan penggunaan bahasa seperti bunga bahasa, laras, susunan, isi, watak cerita dan sebagainya. Walaubagaimanapun, semua aspek yang berkaitan dengan retorik atau ilmu “balaghat” bahasa Arab adalah merupakan komponen penting bagi wacana. Dalam ilmu “balaghat” Arab, al-Quran dan al-Hadith merupakan sumber utama bagi kajian wacana disamping sumber-sumber yang lain seperti syair dan prosa Arab (Ahmad Fikri, 2010 : 3 – 4).

Menurut Asmah Haji Omar (1980 : 14) menyatakan bahawa, setiap wacana mesti berlandaskan hubungan di antara penutur dengan pendengar dalam bahasa lisan

atau penutur dengan pendengar dalam bahasa lisan atau penutur dengan pembaca dalam bahasa tulisan. Tambah beliau, hubungan-hubungan tersebut bergantung kepada informasi yang dimiliki atau dikongsi bersama. Di samping itu, menurut Normah Abdullah dan Che Mohd Arif, (1997) berpendapat bahawa wacana merupakan konsep yang meliputi semua aspek komunikasi, ianya bukan sahaja melibatkan mesej semata-mata tetapi merangkumi pengucapan, penerimaan serta situasi konteks. Lantaran itu juga, penyampaian pengertian bagi sesuatu isi teks juga merupakan konteks wacana yang berperanan seiring dalam pelbagai genre seperti wacana politik, wacana media, wacana undang-undang dan sebagainya.

Dalam konteks penulisan karangan, wacana berperanan dalam melangsungkan interaksi komunikasi khususnya di antara teks dengan pembaca. Konteks dan tujuan wacana dalam sesebuah karangan haruslah berperanan seiring serta logik mengikut kesesuaian penyampaian isi karangan tersebut, supaya makna yang disampaikan oleh penulis memberi kesan yang efektif dan positif terhadap pembaca. Oleh itu, penulis haruslah berhati-hati agar konteks yang dipaparkan relevan dan logik, tetapi sekiranya keadaan yang sebaliknya berlaku maka wacana dalam teks karangan tersebut tidak wujud. Menurut Morsey (1976 : 658) et. al menyatakan bahawa, tugas mengarang memerlukan pemikiran yang jelas dan teratur untuk membolehkan seseorang itu menginterpretasikan apa-apa yang ingin dinyatakan dalam mod lisan kepada mod tulisan dengan menggunakan siri ayat yang teratur dan betul. Tambahan lagi, menurut Abdullah Hassan, (1980 : 658) menyatakan bahawa, bahasa mempunyai bentuk dan maksud yang tersendiri. Tanpa kehadiran wacana dalam sesebuah teks karangan, maka pembaca akan mengalami kesukaran untuk memahami maksud penulis.

Oleh yang demikian, Roselan Baki (1994 : 123) menambah dalam pernyataan beliau, bahawa wacana berhubungkait dengan makna yang terbawa oleh ayat, perenggan atau keseluruhan karangan sama ada makna dasar atau makna pragmatis. Maka dengan itu, konteks atau latar yang mendasari sesuatu ayat atau perenggan perlulah tepat dan diberi huraian yang jelas dan logik. Perkara ini penting dalam memastikan wacana yang terbentuk dapat mengukuhkan sesebuah karangan.

Menurut Oller (1976) dan Brown (1980) merujuk dalam petikan artikel Abdul Jalil Othman (2000 : 658) menyatakan bahawa sesebuah karangan yang baik seharusnya mengandungi ayat yang disusun menurut cara tertentu agar kelihatan gramatis. Menurutnya lagi, keseragaman yang terkandung dalam pola ayat memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan keberkesanan yang efektif kepada sebuah hasil penulisan. Seterusnya, berdasarkan kenyataan Arapoff (1970 : 658) menegaskan bahawa setiap ayat yang dibina haruslah mempunyai kandungan yang bervariasi mengikut kesesuaian idea dan pemikiran yang cuba diinterpretasikan atau disampaikan.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat teknik penulisan mestilah diterapkan dalam suatu ekspresi idea dan fakta kerana hal ini dapat mempengaruhi kualiti sesebuah karangan. Bertitik tolak daripada itu, salah satu unsur linguistik dalam wacana ialah pertautan atau perkaitan semantik yang meliputi aspek kohesi dan koheren, ianya lebih mengkhususkan penggunaan kata hubung yang berperanan sebagai penanda wacana mampu berperanan dalam menghasilkan karangan berkualiti yang dibincangkan. Menurut Awang Sariyan (1991) yang dipetik daripada Normah Abdullah & Che. Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1997 : 1036) berpendapat bahawa, penggunaan penanda wacana seperti kata atau frasa perangkai membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat atau gagasan menjadi lancar dan tidak

melompat-lompat. Aspek kohesi dan koheren merupakan perkara penting dalam merumuskan penghuraian bagi keserasian hubungan antara satu unsur dengan unsur lain atau dalam erti yang lain ianya melihat hubungan antara ayat dalam sebuah wacana serta pengaturan secara rapi terhadap kenyataan dan gagasan, fakta dan idea agar ianya menjadi satu untaian yang logik untuk memahami penyampaian isi yang terkandung (Wohl 1987 : 1038, dalam Henry Guntur Taringan).

## **2.2 Penggunaan Penanda Wacana**

Menurut Baker (1992) menyatakan bahawa kata hubung atau penanda wacana sebagai salah satu aspek keutuhan wacana. Menurut beliau, kata penghubung ialah penanda wacana yang digunakan untuk mempertautkan ayat, klausa dan perenggan. Sepertimana yang diketahui, penanda wacana berbeza dari konteks penggunaannya mengikut bahasa. Pemfokusan penanda wacana lebih menumpukan bagaimana pembaca mengaitkan topik sebelumnya seperti rujukan, penggantian dan *ellipsis*.

Berdasarkan konteks ayat, Roselan Baki (1994) yang dipetik dalam Normah Abdullah dan Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1997 : 1036) berpendapat bahawa penanda wacana atau kata penghubung berfungsi sebagai alat yang menghubungkan dua ayat, lalu membentuk satu ayat dan satu perenggan. Seterusnya, Roselan Baki (1994 : 124) menyatakan lagi bahawa penanda wacana boleh digunakan dalam dua situasi, iaitu untuk menghubungkan dua ayat (lalu membentuk satu ayat) dan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Penggunaan penanda wacana dalam ayat membentuk pertalian dan perkaitan antara suatu ayat dengan ayat atau ayat-ayat sebelumnya. Oleh itu, keadaan ini membentuk satu aliran huraian yang logik dan sistematik. Oleh yang demikian, pembaca dapat mengikuti perkembangan sesuatu idea yang ingin

disampaikan oleh penulis. Penulis juga dapat mengolah ideanya dengan lancar dalam urutan yang logik tanpa menggunakan penanda wacana huraian.

Penggunaan penanda wacana dalam sesebuah karangan amat penting bagi mewujudkan kesepaduan bentuk dan makna dalam sesebuah karangan. Awang Sariyan (1991), menegaskan bahawa penggunaan penanda wacana yang berupa kata atau frasa perangkai, ianya menjadikan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan tidak melompat-lompat.

Berkait dengan analisis wacana bahasa Arab, Johnstone (1991) ada menegaskan bahawa bahasa Arab juga memfokuskan kepada aspek pertautan idea dalam wacana. Aspek pertautan yang sering diaplikasikan ialah pengulangan (*repetition*) dan pengguguran (*elipsis*). Perkara ini jelas dilihat penggunaannya dalam al-Quran dan al-Hadith. Waalaubagaimanapun, satu lagi bentuk pertautan yang sering digunakan dalam bahasa Arab ialah kata hubung (penanda wacana), meskipun perbincangan mengenainya agak kurang diberi perhatian. Oleh itu, aspek dan konsep penggunaannya dapat dilihat dalam karya bahasa Arab seperti buku, majalah, akhbar dan dokumen.

Oleh yang demikian, penanda wacana juga dapat digunakan untuk menghubungkan idea antara dua perenggan. Hal Ini bermaksud kepentingan penanda wacana dalam menghubungkan dua wacana yang lebih luas antara dua perenggan menjadikan konteks wacana tersebut mempunyai hubungan idea dan urutannya begitu jelas dan tersusun. Sekiranya penanda wacana tidak digunakan, maka hubungan dan urutan idea boleh menjadi kelam kabut atau tidak jelas maksud penyampaiannya.

Terdapat beberapa pengkaji tempatan yang cenderung dalam aspek penggunaan penanda wacana ini terutamanya dalam bidang penulisan karangan sama ada di kalangan pelajar peringkat sekolah rendah atau di peringkat sekolah menengah, seperti

Roselan Baki (1994), Mohd Isa Osman (1996), Normah Abdullah & Che Mohd. Arif Che. Mohd Yusoff (1996), Normah Abdullah (1997), dan ramai lagi. Selain itu juga, terdapat pengkaji yang memberi penumpuan dalam bidang terjemahan seperti, Muhammad Fauzi Jumingan (1999) dan Khairunnawa Mohamad (1998) cuba menterjemah dan mengadaptasi penanda wacana bahasa Arab ke bahasa Melayu. Berdasarkan usaha mereka itu didapati bahawa penanda wacana bahasa Arab boleh diterapkan dalam terjemahan Arab-Melayu. Hal ini adalah kerana penanda dalam kedua-dua bahasa tadi adalah sama, iaitu mempertautkan idea (kohesi dan koheren).

Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan, para pengkaji bahasa menunjukkan bahawa masih banyak pelajar khususnya pada peringkat sekolah menengah rendah tidak berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang baik dan memberangsangkan. Kelemahan menyusun idea atau maklumat yang hendak disampaikan kelihatan longgar dan ada kalanya tidak mempunyai pertalian antara satu sama lain.

Namun demikian, terdapat juga kajian yang menunjukkan kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana dalam kemahiran menulis karangan mereka seperti kajian oleh Che Mohd. Arif (1996) misalnya, menerusi kajian latihan ilmiah yang diajukan beliau kepada UPM, telah mengkaji beberapa penggunaan penanda wacana dalam kemahiran mengarang di sebuah sekolah di Batang Kali, Selangor. Pelajar yang terlibat sebagai responden ialah seramai 30 orang yang terdiri daripada pelbagai subetnik. Beliau mengkaji aspek kekerapan penggunaan penanda wacana yang menunjukkan maksud tambahan, berlawanan, sebab dan ketika. Berdasarkan hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa dalam penulisan pelajar sekolah, mereka telah menggunakan penanda wacana sebanyak 700 kali iaitu 26 penanda wacana yang terdapat. Manakala dalam aspek penulisan wacana karangan,



kajian menunjukkan bahawa 93% pelajar memberi keutamaan terhadap isi karangan, 90% memberi keutamaan terhadap bahasa, dan 67% memberi keutamaan terhadap organisasi penulisan. Sementara itu berdasarkan pecahan yang lebih terperinci tentang penggunaan penanda wacana didapati bahawa penanda wacana “dan” adalah yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 40%, diikuti pula oleh “untuk” (21.7%), “kerana” (6.3%), “atau/ataupun” (60%), dan “jika” (3.7%). Manakala yang paling kurang digunakan ialah “lalu”, “semasa”, “semenjak”, dan “sejak”, iaitu sebanyak 1 kali (0.1%).

Oleh yang demikian, Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1996) membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhannya pelajar menunjukkan tindak balas yang positif terhadap penggunaan penanda wacana dalam karangan. Penguasaan dan pengetahuan mereka dalam menggunakan penanda wacana tersebut berada di tahap yang baik. Walaubagaimanapun, kebolehan mereka masih perlu dipertingkatkan dan diperbaiki untuk menghasilkan karangan yang lebih berkualiti.

### **2.2.1 Model Kerangka Teoritis (Kategori Penanda Wacana)**

Kategori penanda wacana dalam model kerangka teoritis merujuk kepada dengan Model Kohesi Halliday dan Hasan (1976 : 242-243) yang merumuskan pengkategorian hubungan kata penghubung (*Conjunctive of Relations*) dan juga mempunyai empat kategori yang sama iaitu maksud “Tambahan” (*Additive*), maksud “Berlawanan” (*Adversative*), maksud “Sebab” (*Causal*) dan maksud “Ketika” (*Temporal*). Hal ini bersesuaian dengan John Chapman (1983) yang dipetik dalam Normah Abdullah & Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1997 : 1037) membahagikan

alat-alat kata penghubung kepada empat jenis, iaitu bagi tujuan dan kategori yang sama dengan model Kohesi Halliday dan Hasan (1976).

Kategori penanda wacana yang digunakan untuk tujuan mewujudkan pertautan dan kesepaduan ayat-ayat dalam karangan, Awang Sariyan (1991) membahagikannya kepada dua jenis penanda wacana, iaitu yang melanjutkan maklumat atau gagasan yang terdiri daripada perkataan “disamping itu, selain itu, sementara itu, dengan demikian, oleh itu, selanjutnya, tambahan pula, demikian juga, dan sebagainya. Bagi yang menunjukkan maksud pertentangan, ianya yang terdiri daripada perkataan “namun, bagaimanapun, meskipun demikian, namun demikian, walau bagaimanapun dan sebaliknya”.

Walaubagaimanapun, pengkategorian penanda wacana Model Kohesi Halliday dan Hasan (1976 : 242-243) yang merumuskan pengkategorian hubungan kata penghubung (*Conjunctive of Relations*) mempunyai kesamaan dengan kajian ini. Penumpuan juga diberi mendasari konsep bagi setiap kategori dan jenis-jenis penanda wacana yang dicadangkan dalam model tersebut. Pengkaji telah merujuk model yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1976 : 242-243) dalam kajian beliau dan menterjemahkannya dalam bahasa Arab bersesuaian dengan bidang pengkaji, ianya adalah seperti berikut :

Jadual 2.1 : Contoh penanda wacana bahasa Arab yang diterjemah berdasarkan jadual pembahagian “*Conjunctive Relation*” Halliday & Hasan, (1976: 242-243).

إِضَافِيٌّ Tambahan (Additive)	إِضْرَابِيٌّ Sebaliknya (Adversative)	سَبَبِيٌّ Sebab Musabab (Causal)	زَمَنِيٌّ Ketika (Temporal)
Lagipun/ Tambahan pula وَعَلَاوَةٌ عَلَى ذَلِكَ	Kalau begitu إِذَا كَانَ الْأَمْرُ كَذَلِكَ	Oleh itu لِذَلِكَ	Selepas بَعْدَ itu ذَلِكَ

Terutamanya خَاصَّةً	Walaupun/Sungguhpun وَعَلَى الرَّعْمِ	Oleh sebab itu/ Oleh yang demikian وَلِذَلِكَ	Sebelum itu قَبْلَ ذَلِكَ
Di samping itu بِالإِضَافَةِ إِلَى ذَلِكَ	Sekiranya tidak إِنْ لَمْ يَكُنْ	Jadi/sehingga حَتَّى	Pada mulanya فِي الْبِدَايَةِ
Terutamanya خَاصَّةً	Walau bagaimanapun وَمَعَ ذَلِكَ	Inilah sebabnya وَهَذَا السَّبَبُ	Akhirnya وَأَخِيرًا
Misalnya عَلَى سَبِيلِ الْمِثَالِ	Bagaimanapun وَمَعَ ذَلِكَ	Akhirnya وَأَخِيرًا	Kemudian ثُمَّ
Berhubungan dengan itu عَلَى هَذَا النِّحْوِ	Realitinya فِي الْوَاقِعِ	Berdasarkan demikian بِنَاءٍ عَلَى ذَلِكَ	Kini / sekarang الآن
Selain daripada itu بِالإِضَافَةِ إِلَى ذَلِكَ	Jika demikian إِذَا كَانَ الْأَمْرُ كَذَلِكَ	Seterusnya وَبِالْتَّالِيِ	Pada masa yang sama وَفِي الْوَقْتِ نَفْسِهِ
Sesungguhnya قَدْ	Sebaliknya وَعَرَضًا مِنْ هَذَا	Dengan itu وَبِذَلِكَ	Kesudahannya فِي نِهَائِهِ الْمَطَافِ
Pendek kata بِإِخْتِصَارٍ	Namun demikian وَمَعَ ذَلِكَ	Kesudahannya فِي النِّهَائَةِ	

### 2.2.2 Jenis-jenis Penanda Wacana

Kata penghubung atau penanda wacana sebagai salah satu unit keutuhan wacana yang digunakan untuk mempertautkan ayat, klausa dan perenggan. Menurut Halliday dan Hasan (1976 : 225), jenis penanda wacana (kata penghubung) ini berbeza sedikit dari aspek rujukan (*references*), penggantian (*substitution*), pengguguran (*elipsis*) dan leksikal (*lexical cohesion*). Penjenisan penanda wacana yang cuba dibincangkan dalam

kajian ini, adalah berdasarkan model yang diutarakan oleh Halliday dan Hasan (1976 : 242-243) di dalam bukunya yang bertajuk “*Cohesion in English*”.

Walaubagaimanapun, bidang bahasa Arab tidak begitu banyak dalam menjelaskan spesifikasi pengkategorian penanda wacana walaupun penggunaannya kerap digunakan dalam satu perenggan atau ayat yang panjang. Walaupun tidak ramai dari kalangan pakar nahuan dan ilmuan Arab sendiri yang membuat kajian khusus tentang penggunaan penanda wacana dalam teks Arab, tetapi aspek penggunaannya dapat dilihat dengan ketara dalam pelbagai genre penulisan Arab seperti karya ilmiah, akhbar, majalah, novel dan sebagainya. Namun demikian, usaha mereka dalam membicarakan dan mengupas penanda wacana dapat dilihat dalam buku-buku nahu Arab walaupun ianya tidak dijelaskan dalam satu topik khusus. Antara topik yang dikaitkan dengan penanda wacana ini seperti dalam topik kata adverba masa, kata bersyarat, kata nama relatif, kata nama pengecualian dan partikel kata depan atau kata sendi.

Merujuk kepada kajian disertasi yang dijalankan oleh Muhammad Fauzi Jumingan (1999 : 33) dalam kajiannya berkaitan pengkategorian penanda wacana yang dikupas oleh Antone Dahdah misalnya, agak telus dalam memperjelaskan secara ringkas berkenaan pengkategorian penanda wacana dan ianya menepati ciri dan konsep penanda wacana yang sebenarnya, sepertimana yang berikut :

<p><b>Kategori jenis ini dinamakan sebagai Kata Nama Bersyarat.</b> (Dahdah : 1985)</p>	<p><b>Meskipun</b> <b>Sekaligus</b></p>	<p>مَتَى حَيْثُمَا كَيْفَمَا</p>
<p><b>Kategori jenis ini dinamakan sebagai Kata Nama Pengecualian.</b></p>	<p><b>Melainkan</b> <b>Kecuali</b> <b>Selain</b></p>	<p>بِئْسَ سِوَى غَيْرَ</p>
<p><b>Kategori jenis ini dinamakan sebagai Kata Nama Adverba Masa.</b> (Ibid, 1985: 282)</p>	<p><b>Apabila</b> <b>Sebentar tadi</b> <b>Tatkala</b> <b>Semasa</b></p>	<p>كُلَّمَا عِنْدَ أَنَاءَ أَنفَا إِذَا إِنْدَ</p>

Selain itu terdapat kategori golongan kata yang membentuk konsep dan makna penanda wacana yang bertujuan menjalinkan idea dan maklumat. Penggunaan penanda-penanda wacana dalam kategori ini dapat dilihat dalam karya bahasa Arab khususnya karya ilmiah dan karya kreatif (Muhammad Fauzi Jumingan, 1999 : 33-35). Berikut merupakan bentuk penanda wacana yang dimaksudkan :

Jadual 2.2 : Bentuk-bentuk Penanda Wacana Bahasa Arab

Bilangan	Penanda wacana	Makna (Bahasa Melayu)
(1)	بِسَبَبِ	Oleh kerana itu, oleh sebab itu
(2)	بِإِضَافَةٍ إِلَى ذَلِكَ	Disamping itu
(3)	عَلَى الرَّعْمِ مِنْ، بِالرَّعْمِ مِنْ	Meskipun, walaupun
(4)	بِنَاءٍ عَلَى ذَلِكَ	Oleh kerana itu
(5)	بِعِبَارَةٍ أُخْرَى	Dengan kata lain
(6)	بَعْدَئِذٍ	Selepas itu, kemudian, sesudah itu, kelak
(7)	بَيِّنًا أَنَّ	Akan tetapi, walaupun demikian, tetapi
(8)	رَعْمَ عَن	Meskipun, walaupun
(9)	عَلَى كُلِّ حَالٍ	Walaubagaimanapun juga
(10)	عِنْدَئِذٍ	Pada masa itu
(11)	عَاقِبُ ذَلِكَ	Selepas itu, kemudian itu
(12)	غَيْرَ أَنَّ	Akan tetapi
(13)	فَضْلًا عَن	Disamping itu, tambahan lagi, tambahan pula
(14)	مِنْ أَجْلِ، لِأَجْلِ	Oleh sebab, oleh kerana
(15)	لِذَلِكَ	Oleh kerana itu, oleh sebab itu, jadinya, akibatnya

Sehubungan dengan itu, penulis berpendapat keseluruhan pengkategorian penanda wacana yang terdapat dan dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas bersesuaian dan berkait rapat dengan penjenisan penanda wacana bahasa Arab yang

akan dikaji dan dirumuskan dalam kajian ini. Namun demikian, model kerangka teoritis kata hubung yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1976 : 242-243) diberi tumpuan utama dalam kajian ini berikutan daripada kesesuaian dan relevannya konsep dan jenis-jenis penanda wacana yang dicadangkan dalam kajian.

### **2.2.3 Penanda Wacana Bahasa Arab dalam Teks Karangan**

Menurut laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (1985) dalam Abdul Jalil (2000 : 826), kebanyakan pelajar tidak mengetahui teknik dan kaedah khusus menulis karangan dengan betul. Pelajar-pelajar kurang diberi pendedahan tentang cara menghasilkan karangan yang benar-benar mantap, bukan sahaja dari segi penggunaan bahasa yang betul, tetapi juga dari segi gaya penulisan yang teratur dengan mengikut ciri penulisan yang sebenar. Oleh yang demikian, hal ini berlaku dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab khususnya, memandangkan mereka kurang pendedahan dan pengetahuan dalam menggunakan penanda wacana yang sesuai dalam penulisan karangan mereka. Seperti mana yang diketahui, penanda wacana merupakan salah satu aspek atau ciri penting dalam sesebuah karangan bagi mewujudkan pertautan dan kesepaduan bentuk dan makna karangan. Menurut Awang Sariyan (1991) dalam Normah Abdullah dan Che Mohd.Arif Che Mohd. Yusoff (1997) tegasnya lagi, penggunaan penanda wacana yang berupa kata atau frasa perangkai membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar.

Menurut Al-Jubouri dan Khowles (1988) yang dipetik dalam Baker (1992) dalam halaman disertasi Muhammad Fauzi Jumingan (1999 : 29) menyatakan bahawa penggunaan penanda wacana dalam bahasa Arab adalah sedikit, contohnya penanda wacana **وَ** (*waw*) bermaksud “dan”, dan **فَ** (*fa*) pula bermaksud “maka”, “jika” dan

“oleh itu” yang mana lazim digunakan dalam wacana terjemahan adalah penanda wacana yang mempunyai beberapa maksud sekaligus. Penanda wacana bagi huruf و (waw) memiliki beberapa maksud seperti tambahan, masa dan sebaliknya. Manakala, huruf ف (fa) pula mempunyai beberapa maksud seperti masa, sebaliknya dan tambahan. oleh itu, penggunaannya perlu diterjemahkan dengan tepat dalam wacana terjemahan, khususnya terjemahan Arab-Melayu.

Menurut Khatijah Abdul Hamid (1994) dalam Abdul Jalil Othman (2000: 826) menyatakan bahawa para pelajar hanya dirangsang untuk berfikir dan menulis dengan menggunakan bahasa dalam ruang lingkup pengetahuan mereka semata-mata, tanpa ada suatu garis panduan yang benar-benar dapat melatih mereka ke arah penghasilan ayat yang kohesif. Tambahan pula, menurut Raminah Hj. Sabran (1989) dalam Abdul Jalil Othman (2000 : 828) menegaskan bahawa kesatuan merujuk kepada ketepatan seluruh isi yang disampaikan. Suatu karangan akan menjadi kukuh sifat kesatuannya jika isi yang dikemukakan itu tepat dan mantap menurut tajuknya. Beliau turut menambah, bahawa suatu karangan itu dianggap mempunyai unsur pertautan jika idea, bahasa dan pengolahannya memperlihatkan pertalian yang kukuh antara satu sama lain. Oleh yang demikian, penggunaan penanda wacana dalam sesebuah karangan amat penting bagi mewujudkan pertautan dan kesepaduan secara keseluruhannya. Hal ini kerana, pengkaji berpendapat penanda wacana berperanan sebagai komponen asas dalam memperlihatkan pertautan satu ayat dengan ayat lain atau satu perenggan dengan perenggan lain sehingga menjadi sebuah karangan yang baik dan kohesi. Secara teknikalnya, penyampaian karangan tersebut boleh difahami dan mencapai tahap yang cemerlang dari sudut kompleksiti ayatnya dan penyampaian maksud idea tersebut difahami secara dinamik. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan yang cuba dikupas oleh



Abdul Jalil Othman (2000 : 1036) bahawasanya kepentingan penanda wacana dapat dilihat untuk menghubungkan idea antara dua perenggan. Hal ini bermaksud bahawa penanda wacana juga mampu menghubungkan dua wacana yang lebih luas antara dua perenggan. Sekiranya penanda wacana tidak digunakan, hubungan idea atau urutannya tidak begitu jelas.

Namun demikian, terdapat beberapa bentuk penanda wacana yang lazim digunakan dalam penulisan karangan bahasa Arab sama ada di peringkat sekolah atau di peringkat yang lebih tinggi. Dalam bidang terjemahan, penglibatan pengkaji Muhammad Fauzi Jumingan (1999) dalam kajian disertasi PhDnya, membuat rumusan yang seiring dan relevan dengan kajian ini. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji membuat lampiran berkaitan bentuk-bentuk penanda wacana yang pelbagai jenis dalam satu rumusan sepertimana yang berikut :

Jadual 2.3: Contoh penanda wacana bahasa Arab selaras dalam terjemahan bahasa Melayu dalam Pelbagai Jenis dan Tujuan

Terjemahan penanda wacana bahasa Arab dalam bahasa Melayu	أدوات الربط في اللغة العربية
Di samping itu	بِإِلْضَافَةٍ إِلَى ..... / إِضَافَةٍ إِلَى ذَلِكَ
Bertitik tolak dari ini...	وَإِنِّطْلَاقًا مِنْ هَذَا
Dari sudut yang lain	مِنْ جَانِبٍ آخَرَ / مِنْ جَانِبِ ذَلِكَ
Dari aspek yang lain	مِنْ نَاحِيَةٍ أُخْرَى

Sebagaimana yang diketahui	مِنَ الْمَعْلُومِ أَنَّ / مِنَ الْمَعْرُوفِ أَنَّ
Tambahan lagi	فَضْلًا عَن ذَلِكَ
Perlu diingatkan bahawa	وَالْجَدِيرُ بِالذِّكْرِ أَنَّ
Sebagai contoh / misalnya	عَلَى سَبِيلِ الْمِثَالِ / مَثَلًا
Demikian	هَكَذَا
Kesimpulan kata / konklusinya	خُلَاصَةُ الْقَوْلِ / الْخُلَاصَةُ
Kesimpulan kata	قُصَارَى الْقَوْلِ فَإِنَّ
Ketika mana	عِنْدَمَا
Berkaitan dengan	بِالنَّسْبَةِ إِلَى
Kita mesti	لَا بُدَّ لَنَا أَنْ (فعل المضارع)
Kerana itu	وَلِهَذَا / وَلِهَذِهِ
Daripada fenomena itu	مِنَ مَظَاهِرِ ذَلِكَ أَنَّ
Walau apapun yang berlaku	مَهْمَا يَكُنْ مِنْ أَمْرِ ف... .
Semestinya	يَنْبَغِي ل... .
Adapun	أَمَّا
Memandangkan kepada	نَظْرًا إِلَى
Demi	مِنْ أَجْلِ
Menerusi perkara tersebut	مِنْ خِلَالِ ذَلِكَ

Pada masa yang sama	وَفِي الْوَقْتِ نَفْسِهِ
Seperti mana	كَمَا
Berdasarkan kepada	بِنَاءٍ عَلَى مَا
Tidak ragu-ragu bahawa	لَا شَكَّ أَنْ
Dari aspek yang lain	وَعَلَى صَعِيدٍ آخَرَ
Terutamanya	لَا سِيَّمَا

Secara keseluruhannya, dalam konteks memperbaiki mutu penguasaan pelajar bagi menghasilkan karangan yang berkualiti, ianya dipengaruhi oleh kebolehan pelajar menggunakan penanda wacana tersebut yang mana merupakan salah satu unsure penting kematangan nilai persembahan dan pertautan idea dalam sesebuah karangan. Oleh yang demikian, sesebuah karangan yang baik dan bermutu bukan sahaja bergantung pada kebolehan menyampaikan isi dan idea dengan baik dan tersusun, malahan dipengaruhi juga oleh cara menggunakan penanda wacana dengan tepat dan betul mengikut konteksnya.

### 2.3 Peranan Penanda Wacana dalam Ketekstualan Karangan Bahasa Arab

Kesatuan makna merupakan faktor penting untuk menentukan tahap pembacaan dan pemahaman wacana. Setiap unsur yang membentuk wacana bermula dari fonem, morfem, perkataan, ayat, frasa dan klausa perlu dihubungkan dengan sebaik mungkin bagi membentuk wacana khususnya karangan. Hal ini kerana wacana adalah satuan bahasa yang terlengkap dengan koherensi dan kohesi yang tinggi yang mana berkesinambungan sama ada secara lisan ataupun tulisan. Berhubung konsep kohesi

yang dirungkaikan kini, penumpuan perbincangan dibataskan kepada kohesi konjungsi atau dalam istilah lain penanda wacana yang merupakan salah satu jenis atau alat kohesi.

Tarigan (1995 : 123) menyatakan kohesi adalah aspek formal bahasa dalam wacana. Ianya merupakan organisasi sintaktik dan wadah ayat-ayat yang disusun secara padu bagi menghasilkan turutan. Hal ini bermaksud, kohesi adalah hubungan di dalam ayat dan di antara ayat dalam sesebuah wacana. Lantaran itu, fungsi penanda wacana itu sendiri berperanan penting dalam mewujudkan hubungan satu ayat dengan ayat lain atau satu idea dengan idea lain sehingga mampu terciptanya ayat wacana yang kohesif dan tersusun. Hal ini penting bagi pembaca memahami isi dan kandungan idea yang dimaksudkan sampai pengertiannya oleh penulis tersebut.

Johnstone (1991) melalui disertasi PhDnya berkaitan “*Repetition In Arabic Discourse*” telah mengkaji aspek pengulangan (*repetition*) dalam wacana berbahasa Arab. Aspek pengulangan yang menjadi ciri utama keutuhan sesebuah wacana bahasa Arab telah dikaji oleh beliau secara jelas. Selain daripada isu pengulangan dan perguguran yang kerap digunakan dalam wacana bahasa Arab telah dibincangkan dalam dapatan beliau, terdapat juga satu bentuk pertautan yang sering digunakan dalam bidang bahasa Arab iaitu kata hubung atau penanda wacana walaupun ianya kurang diambil perhatian oleh sarjana Arab. Berdasarkan pembacaan pengkaji, beliau juga bersetuju akan kepentingan fungsi dan peranan penanda wacana ini sebagai unsur penting pertautan atau berkesinambungan yang digunakan dalam wacana teks bahasa Arab. Tambahnya lagi, aspek dan konseptual penggunaannya dapat dilihat dengan banyak dalam karya berbahasa Arab seperti bahan-bahan majalah, akhbar, dokumen, buku ilmiah dan sebagainya.

Di samping itu, menurut Muhammad Fauzi Jumigan (1999) dalam kajian beliau, membincangkan salah satu bentuk penanda wacana iaitu penanda wacana atau kata penghubung dalam bidang terjemahan Arab – Melayu telah dijalankan menerusi dua genre utama iaitu karya kreatif dan ekspositori. Penemuan menarik ditemui dalam dapatan kajian beliau ialah penterjemah Arab – Melayu Berjaya menghasilkan ketenunan dalam teks terjemahan melalui penggunaan penanda wacana seperti kata atau frasa penghubung yang mengikut model Halliday dan Hasan (1976) sepenuhnya. Tambah beliau, penggunaan penanda wacana boleh menghasilkan kriteria utama sesuatu jenis teks. Hal ini bermaksud, laras bahasa teks karya kreatif misalnya, berbeza dengan laras bahasa ilmiah khususnya dalam penggunaan penanda wacana.

Sesungguhnya, Mohd Azidan Abdul Jabar (2003) telah menganalisis kohesi dalam wacana novel bahasa Arab yang pertama di Malaysia. Berdasarkan kajian tersebut, beliau telah membahaskan mengenai konsep wacana yang merupakan tingkatan bahasa yang paling tinggi atau penggunaan bahasa yang sebenar dalam konteks situasinya yang sebenar. Berdasarkan analisis kohesi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat banyak alat daripada pelbagai jenis kohesi yang boleh digunakan untuk memastikan ketekstualan unsur-unsur dan bahagian-bahagian yang membina sesebuah teks penulisan Arab, salah satunya ialah konjungsi atau penanda wacana.

#### **2.4 Kohesi Konjungsi (Kata Hubung) dalam Wacana Arab**

Kohesi yang terdapat dalam apa jua wacana Arab termasuk teks berita secara umumnya boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian utama, iaitu kohesi nahu dan

kohesi leksikal (Mohd Azidan Abdul Jabar, 2005 : 121). Sepertimana yang dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976 : 6) seperti berikut :

“ Kohesi dinyatakan sebahagiannya melalui nahu dan sebahagian yang lain melalui kosa kata. Oleh yang demikian, kita boleh merujuknya sebagai kohesi nahu dan kohesi leksikal”.

Setiap bahagian dalam kohesi nahu dan kohesi leksikal mempunyai alat-alat kohesinya yang tersendiri dan berperanan dalam menghubungkan satu unsur wacana dengan unsur yang lain. Oleh yang demikian, kajian ini lebih menumpukan kepada kategori kohesi konjungsi (Kata Hubung) dalam memperlihatkan pebezaannya daripada alat kohesi yang lain (Halliday dan Hasan, 1976 : 226). Kata hubung bersifat kohesi bukan pada kata hubung itu sendiri tetapi secara tidak langsung berlandaskan makna spesifik yang didokongnya. Pada asasnya, kata-kata hubung bukan merupakan alat-alat kohesi untuk mengaitkan teks sebelum atau selepas teks tertentu tetapi kata-kata hubung itu mengekspresikan makna-makna tertentu yang sedia ada dalam komponen wacana tertentu.

Menurut Mohd Azidan Abdul Jabar (1999 : 132), dalam bidang bahasa Arab, kohesi wacana melalui kaedah konjungsi boleh dilakukan melalui konjungsi nahu atau konjungsi teks. Tegasnya lagi, konjungsi nahu yang bersifat struktural boleh diperoleh dan disesuaikan dengan kaedah yang terdapat dalam huruf al-‘atf ean huruf jar, manakala konjungsi teks diperoleh daripada beberapa perkataan dan ungkapan frasa yang sering digunakan untuk menghubungkan bahagian-bahagian teks seperti **وَمَعَ ذَلِكَ** (*begitu juga*), **عَلَى الرَّغْمِ** (*walaupun*), **إِنْدِكَ** (*oleh itu*) dan sebagainya. Menerusi cara ini, bahagian-bahagian teks dapat dihubungkan secara konjungsi sama ada yang bersifat

tambahan, berlawanan, sebab musabab dan masa ataupun yang bersifat kontinuatif bagi menghasilkan wacana yang kohesif.

Oleh yang demikian, kajian kohesi dalam teks Arab sebenarnya bertujuan bagi membuktikan kemampuan wacana Arab berfungsi sebagai satu unit yang tidak boleh dipecahkan kepada unit-unit kecil yang lain. Jika dipecahkan juga kepada bahagian-bahagian seperti bab, episod, perenggan, ayat dan sebagainya, maka unit itu hendaklah dianggap sebagai wacana.

## **2.4 Kesimpulan**

Penanda wacana adalah unit atau alat yang berperanan penting dalam menjelaskan keutuhan sesuatu wacana khususnya wacana teks karangan. Beberapa pengkaji lepas yang menjalani kajian mereka yang berkaitan penanda wacana seperti Muhammad Fauzi Jumingan (1999) dalam bidang terjemahan satu analisis dalam surah Yasin, Normah Abdullah & Che Mohd Arif Che Mohd Yusoff (1997) dalam kajian beliau penggunaan penanda wacana bahasa Melayu dalam kemahiran mengarang pelajar tingkatan Lima dan sebagainya. Bertitik tolak dari ini, disiplin baharu ini khususnya dalam konteks wacana, penggunaan penanda wacana amat penting dalam kemahiran mengarang bagi mewujudkan pertautan dan kesepaduan bentuk dan makna sesebuah karangan. Satu kajian oleh Mohd Azidan Abd. Jabar (2003) dalam kajian PhDnya, kohesi wacana bahasa Arab dari sudut konseptual kohesi konjungsi juga merupakan salah satu kajian yang cemerlang dalam olahannya dan dijadikan sebagai rujukan pengkaji.

Dalam konteks memperbaiki mutu penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis karangan, seharusnya pendedahan tentang penanda wacana dan

penggunaannya diperluaskan bagi semua pihak khususnya para guru, pelajar dan pencinta bahasa Arab agar mampu mencipta sebuah teks karangan bahasa Arab yang berprestij. Oleh yang demikian, Model Kerangka Teoritis Halliday dan Hasan (1976) menjadi rujukan utama dalam memperincikan penjenisan penanda wacana yang mana bersesuaian dengan kajian pengkaji.

Akhirnya sesebuah karangan yang baik dan bermutu bukan sahaja bergantung pada kebolehan menyampaikan isi dan idea dengan baik dan tersusun, malah dipengaruhi juga oleh cara menggunakan penanda wacana secara tepat dan betul mengikut konteksnya.